

Mahasiswa UMP tanam 1,200 anak pokok

TASEK BERA - Sebanyak 1,200 anak pokok ditanam di sekitar tapak Ramsar dekat Tasek Bera bagi menyulurn dan menggantikan semula pokok yang mati disebabkan oleh ketidakupayaan hidup selain ditebang akibat pencerobohan haram.

Ketua Penyelia Renjer Temenggong Cawangan Bera, Abdullah Jaafar berkata, menerusi program Go Green With Saset, pihaknya bersama mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan NGO di daerah ini bersama-sama menggembung te-naga bagi menjayakan program ini.

"Tapak Ramsar ini merupakan kawasan penanaman semula oleh Saset bermula dari tahun 2014. Proses tanam semula ini sama ada akibat pokok mati sebab serangan perosak dan suhu tak bersesuaian, atau aldiabt pokok ditebang sewenang-wenangnya oleh penceroboh haram.

"Jadi, sebagai NGO bertanggungjawab,

kita perlu memastikan usaha ini berterusan agar pokok hutan ini dapat dipulihara dengan menggantikan dengan pokok baharu. Hutan di Pahang ini mestilah dilanjut dengan baik kerana terlalu banyak pencerobohan haram yang berlaku," katanya.

Menurut Abdullah, Renjer Temenggong sebagai nadi penggerak serta mata dan telinga kepada Saset dalam membantu jabatan atau agensi kerajaan bagi membanteras serta memyelesaikan isu alam sekitar.

Katanya, selain itu, mereka juga bertindak sebagai pemantau di kawasan-kawasan tapak penanaman semula yang telah dijalankan, dan melaporkan sebarang permasalahan yang timbul terus kepada pihak atasan untuk tindakan susulan.

"Tidak dinafikan masih ada berlaku pencerobohan haram, bukan sahaja di tapak Ramsar tetapi juga hutan simpan yang ada di daerah ini. Seharusnya dalam

hal ini, bukan sahaja Renjer Temenggong yang perlu menjadi mata dan telinga kepada pihak berkenaan, malah masyarakat juga harus memainkan peranan.

"Kalau kita tahu ada kawasan diceroboh, segera buat laporan. Tindakan seterusnya pula akan kepada dasar undang-undang yang telah dilaksanakan oleh pihak berkenaan seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhajaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) sekiranya berunsur jenayah berat dan sebagainya," katanya.

Jelasnya, bidang kuasa Renjer Temenggong hanya tertakluk pada syarat-syarat tertentu antaranya tidak dibenarkan mengambil tindakan secara bersendirian tanpa pihak berkuasa. Ini adalah untuk menjaga kepentingan keselamatan diri mereka dan menjaga kawasan daerah rhasing-rhasing.



Sebahagian peserta yang menjayakan program Go Green With Saset di tapak Ramsar dekat Tasek Bera, baru-baru ini.